

Tular foto buaya: Bomba, Perhilitan pantau Sungai Semenyih

SEMENYIH - Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) memantau kes tular dakwaan penduduk yang melihat kelibat buaya di Sungai Semenyih.

Adun Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz berkata, agensi berkenaan juga sudah meneliti segenap sudut

berdasarkan aduan awam sejak kelmarin.

"Gambar yang tular di media sosial itu sehingga kini belum dapat pengesahan daripada pihak terbabit.

"Sekeping gambar buaya yang tular disahkan lokasinya bukan menunjukkan di Sungai Semenyih. Bagaimanapun kedua-dua agensi berkenaan akan terus pantau di beberapa lokasi di sungai itu sebagai

langkah berjaga-jaga," katanya.

Beliau turut menasihati masyarakat yang menggunakan sungai itu agar berhati-hati dan berwaspada.

"Orang ramai yang mungkin terlampau mungkin reptilia itu diminta beri maklumat tepat dengan menghubungi Perhilitan di talian 03-90866800," katanya.



Anggota Bomba dan Penyelamat bersama Perhilitan ketika memantau Sungai Semenyih.